

29 OCT 2003

BN SABAH AKAN PASTIKAN MENANG BESAR DLM PILIHAN RAYA SEBAGAI HADIAH KPD PM

KOTA KINABALU, 29 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah akan berusaha memastikan ia akan memperolehi kemenangan besar pada pilihan raya akan datang sebagai hadiah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara daripada jawatannya Jumaat ini, kata pengerusinya Datuk Seri Musa Aman.

"Mungkin kemenangan besar inilah hadiah kita kepada YAB Perdana Menteri ... cara rakyat membalas budi kepada seorang pemimpin agung," katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu siaran lintas langsung Selamat Pagi Malaysia edisi Sabah, di Studio C, Bangunan Jabatan Penyiaran Kawasan Sabah, dekat sini hari ini.

Beliau yang juga merupakan Ketua Menteri Sabah berkata rakyat negeri itu amat berterima kasih kepada Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membawa Sabah ke tahap yang lebih tinggi khususnya dari segi kestabilan politik dan pembangunan.

Pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada 1999 menyaksikan BN Sabah berjaya memperolehi 31 kerusi daripada 48 yang dipertandingkan, manakala di Parlimen, BN negeri berjaya menawan 17 kerusi daripada 20.

Bagaimanapun senario pilihanraya akan datang mungkin menyaksikan BN menang lebih besar selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima menjadi parti komponen BN awal tahun lepas.

Dr Mahathir, Perdana Menteri keempat negara yang dilantik ke jawatan itu pada 1981 akan bersara pada Jumaat ini dan tempatnya akan digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

NT AZH